
Title	Pantang larang [2-3]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1997 Muhammad Ariff bin Ahmad

MS>RAH network

PANTANG LARANG 2
mengadakan kerja kahwin
(walimatul-urus)

• **nikah mengikut giliran**

(7) Pantang menikahkan dua [atau lebih] adik beradik perempuan sekali harung. yakni: dinikahkan pada hari dan masa yang sama.

Kononnya: akan ada yang kalah - sama ada mati atau tidak panjang jodoh.

soal:

15. Pernahkah anda dengar pantang yang seperti itu?

16. Apa pendapat anda mengenai pantang yang demikian itu?

(8) Pantang orang buat kerja kahwin lebih daripada sekali dalam setahun. Seberapa boleh pernikahan adiknya ditangguhkan ke tahun mendatang.

Kononnya: sesiapa yang membuat kerja kahwin lebih dari sekali dalam setahun, mereka akan jadi papa kedana.

soal:

17. Apa pendapat anda tentang pantang itu?

18. Bagaimana, biasanya, ibu bapa Melayu menangani masalah tersebut?

(9) Ada orang yang pantang membuat kerja kahwin dalam bulan Muharram dan bulan Safar.

soal:

19. Apa fikir anda tentang pantang itu?

20. Apa peristiwa Muharram dan Safar yang menyebabkan orang Melayu pantang membuat kerja kahwin dalam bulan tersebut?

• **adat berinai**

(10) Adat berinai bagi pengantin, dikatakan, suatu larutan budaya yang terbawa-bawa dari kepercayaan Hindu yang pernah diamut orang-orang Melayu.

soal:

19. Apa pendapat kamu tentang kenyataan itu?

20. Beri beberapa keterangan yang membuktikan kebenarannya.

21. Pernahkah anda menghadiri upacara *berinai curi* dan *berinai kecil*?

(11) Kecuali Mak Andam dan keluarga perempuan yang karib (rapat), upacara berinai curi hanya disertai anak-anak dara belaka. Orang lelaki terutama yang muda-muda, terlarang keras menghadiri upacara itu.

□ soal:

22. Mengapa upacara itu hanya disertai anak-anak dara sahaja?
23. Mengapa lelaki muda terlarang keras daripada menghadiri majlis itu?
24. Bagaimana pemuda-pemuda "*mencuri masuk*" ke majlis tersebut?

• **hari persandingan**

(12) *Awal pagi, pada hari kerja kahwin itu, sehelai kain/baju (yang sudah dipakai) pengantin perempuan dicampakkan ke atas bumbung rumah ibu. Mencampakkan pakaian itu jangan dilihat orang.*

Kononnya: pakaian itu akan menahan hujan daripada turun pada hari itu. Juga, pakaian itu akan menangkis serangan sihir atau "permainan orang" yang hendak merosakkan majlis atau mengkhianati pengantin.

□ soal:

25. Pada pendapat anda: adakah kepercayaan itu benar?
26. Pernahkah ada lihat: pengantin pitam dan jatuh ketika bersanding di pelamin?
Adakah kejadian itu ada hubungannya dengan kepercayaan tadi?

(13) *Di dapur, ditempat menyediakan ayapan untuk jamuan walimah, ada didirikan orang penyapu lidi (bukan penyapu baru) yang ditegakkan mendongak ke langit; di hujung lidi-lidi penyapu itu ditanjapkan bawang merah dan lada merah.*

Kononnya: penyapu itu dapat menangkis serangan orang hendak memperlmainkan tukang masak, supaya makanan yang dimasak tidak boleh masak walaupun sudah beberapa jam makanan itu dimasak.

□ soal:

27. Apa pendapat anda tentang kepercayaan itu?
28. Pernahkah anda jumpa: ramai tetamu sudah lama menunggu, tetapi hidangan tidak sampai kerana nasi dan lauk-pauknya belum masak, sehingga tuan rumah terpaksa mengorder makanan "*bidan terjun*" dari sebuah restoran yang berdekatan?
29. Adakah anda percaya akan *sihir* dan *permainan cantik* demikian itu?

• **selepas bersanding**

(14) *Semenjak lepas bersanding sehingga dilakukan upacara "mandi-mandi," pengantin dipantangkan keluar rumah atau berpergian:*

Kononnya: pengantin baru [selagi inai masih merah di tangan] masih terdedah kepada gangguan "orang halus". Lepas mandi tolak balak baru mereka bebas.

□ soal:

30. Apa pendapat anda tentang kepercayaan tersebut?
31. Apa yang anda tahu tentang *adat mandi-mandi* itu?



PANTANG LARANG 3

Adat menempah bidan

- **apabila isteri mula hamil**

(15) *Isteri yang hamil pantang mentertawakan orang cacat atau sesuatu yang tampak ganjil [misalnya ternampak kera menari-nari].*

Kononnya: apabila bayi yang dikandung itu lahir akan menyerupai keadaan yang ditertawakan si ibu itu. Orang-orang keturunan Jawa ada jampi untuk menolak kejadian tersebut. Apabila terlanggar pantang itu, si ibu harus segera mengucapkan: "amit-amit.. jabang bayi ojo kaget!" [minta ampun! janin bayi jangan terkejut].

soal:

32. Apa pandangan anda tentang pantang yang tersebut?

33. Pernahkah anda mengalami pantang itu? Mengapa dan bagaimana?

(16) *Isteri yang hamil dipantangkan turun ke tanah, terutama setelah matahari masuk (waktu maghrib).*

Kononnya: orang yang sedang mengandung sangat mudah "keteguran" - diganggu orang halus.

soal:

34. Pada fikiran anda, adakah kepercayaan itu benar?

35. Apa agaknya maksud yang sebenar, orang tua-tua memantangkan hal yang demikian itu?

(17) *Suami wanita hamil itu dipantangkan menakik-nakik kayu, pantang memukul atau menyiksa binatang, pantang mengikat sesuatu.*

Kononnya: apabila isterinya bersalin, bayinya akan lahir dengan kecacatan seperti cacat yang dilakukan suaminya ketika isteri itu mengandung.

